

BERITA HARIAN – 28 MEI 2003

NEURAL SASAR JUAL 3,000 SET e-JARI SETAHUN

Neural Services Sdn Bhd (Neural), syarikat pemasangan peralatan keselamatan akan dijangka menjual 3,000 set sistem keselamatan cap jari dikenali e-Jari, dalam tempoh setahun mulai julai depan.

Pengarah urusan Neural, Aziz Ayob, berkata, pihaknya menjangka nilai unjuran jualan sistem e-Jari ialah sekitar RM 7 juta.

Katanya, sistem e-Jari itu dijangka dijual pada harga di antara RM 3,000 dan RM 6,000 semua setiap satu, bergantung kepada spesifikasi dan kadar penggunaannya.

“e-Jari menyediakan satu tahap ketepatan pengenalan dan keselamatan berbanding kebanyakan akses sistem kawalan biasa,” katanya di Shah Alam, semalam.

Beliau berkata demikian selepas majlis memeterai perjanjian dengan Sirim Bhd (Sirim) untuk usaha sama mengkomersialkan e-Jari di pasaran tempatan dan asing.

Terdahulu, Presiden yang juga Ketua Eksekutif Sirim, Datuk Dr. Mohd Ariffin Aton berkata, majlis itu menandakan kejayaan mengkomersialkan satu daripada teknologi ciptaan tempatan Sirim.

Katanya, neural diberi lesen tunggal mengkomersialkan e-Jari Sirim.

Neural akan mengilang, mengedar, menjual dan menyediakan perkhidmatan selepas jualan tiga versi produk iaitu, e-Jari versi V1.0/IP Sistem Pengurusan Masa Bersepadu, e-Jari versi V1.0 TCP/IP Sistem Kawalan Akses pintu Bersepadu, dan e-Jari versi Sistem Kawalan Akses Kendiri, katanya.

Dr Mohd Ariffin berkata, beliau percaya langkah Neural meneroka e-Jari akan mendatangkan kejayaan. – Bernama.